

One Story: Razi Cover Letter

Dear Teachers

Thank you for your interest in our **One Story** school activities!

### Read, Reap, Write Package

We have specially chosen three extracts from the book, *One Story: Razi*, for students and teachers to read and discuss in class. We hope the curated questions would stimulate their thinking processes and initiate meaningful discussions. We have prepared these packages in English, Chinese, Malay and Tamil to encourage students to read and communicate in English and their Mother Tongue languages.

As a token of appreciation, we will gift you copies of the book for each completed class report submission, while stocks last. These copies are to be distributed to your students. Please click on <https://go.gov.sg/os21-sr> to submit a soft copy of the report which can be found on the website together with the activity packages. Please include 1-2 photos of the activity being carried out. If there are multiple reports from your school, please compile all the soft copies of the reports and submit through the link above. Your submission must not exceed 10mb. Reports are to be submitted **by 15 July 2022**.

Please refer to Appendix A for more details on the National Library Board's One Story project and the book, *One Story: Razi*.

For further queries, please contact Nur Fitri or Agnes Ang at [nur\\_fitri\\_muhammad\\_syafran@nlb.gov.sg](mailto:nur_fitri_muhammad_syafran@nlb.gov.sg) and [agnes\\_ang@nlb.gov.sg](mailto:agnes_ang@nlb.gov.sg) respectively.

Thank you.

Best Regards,  
One Story Project Team

One Story: Razi Activity Package

Appendix A


Synopsis of *Razi*

Every day is a painful struggle for Nani, the mother of Razi, a boy with special needs. As Nani finds herself increasingly frustrated by society’s lack of understanding and empathy for Razi’s condition, she is by turns swayed and pressured by her sister’s incessant cajoling to seek help from a traditional Malay healer. Nani keeps the treatment a secret from her husband – out of fear and also perhaps guilt. Razi is slowly tamed into obedience. The healer sees it as progress, but is submission into silent acquiescence a cure at all?

Razi will make you ponder over the great lengths people would go to and the sacrifices they make for their loved ones. Readers will be tempted to weigh in on the dilemmas that Nani has to grapple with and tread along the emotional rollercoaster of her struggle and guilt. Will we condemn her choices? Or empathise with her challenges?

The One Story Project

One Story is a project by the National Library Board to make Singapore short stories – originally written in Tamil, Malay, Chinese, or English – available in the other languages. The project aims to bring these stories to more readers beyond the language communities that they were originally written for. *Razi* is a short story by Dr Sa’eda Buang that was originally written in Malay. The book features the story in all four languages and is available for borrowing on <https://www.go.gov.sg/libby-razi>.



|            |                                                                                                                              |
|------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Title:     | One Story: Razi                                                                                                              |
| Author:    | Sa’eda Buang                                                                                                                 |
| Call no.:  | Adult SING English SAE (hardcopy)<br><a href="https://www.go.gov.sg/libby-razi">https://www.go.gov.sg/libby-razi</a> (eBook) |
| Publisher: | National Library Board, 2021                                                                                                 |

One Story: Razi Activity Package

Read, Reap, Write Package  
Facilitator's Guide

|                             |   |                                                                                                                              |
|-----------------------------|---|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Name of Package</b>      | : | One Story: Razi                                                                                                              |
| <b>Objective(s)</b>         | : | To initiate meaningful discussions and develop empathy in students                                                           |
| <b>Target Audience</b>      | : | Upper secondary                                                                                                              |
| <b>Recommended Duration</b> | : | 1 hour per excerpt                                                                                                           |
| <b>Room Setup</b>           | : | Students in groups of 3-4 at different tables                                                                                |
| <b>Book Title</b>           | : | One Story: Razi                                                                                                              |
| <b>Book Author</b>          | : | Sa'eda Buang                                                                                                                 |
| <b>Call Number</b>          | : | Adult SING English SAE (hardcopy)<br><a href="https://www.go.gov.sg/libby-razi">https://www.go.gov.sg/libby-razi</a> (eBook) |

Notes to Facilitator:

- Remember to take 1-2 photos during the activity.
- Please submit a report of the session through the Form SG link indicated on the cover letter. If there are multiple reports, facilitator is to compile all and submit as 1 submission.
- Activity sheets can be printed and distributed to students.

One Story: Razi Activity Package

Lembaran Aktiviti Baca, Petik, Tulis  
(dipetik daripada “One Story: Razi” oleh Sa’eda Buang)

Petikan 1

Aku hanya memerhatikan. Putarannya semakin **ligat**. Seligat gasing. Di atas kedua kakinya yang kurus meruncing, dia berpusing, berpusing dan terus berpusing. Terkadang bagaikan penari balet dalam dunia *The Swan Princess*. Kedua tangannya didepangkan. Kemudian tangan tadi menguncup, memeluk erat tubuhnya sambil menutup mata dengan mukanya dihadapkan ke langit. Tiada yang wujud pada masa itu, hanya putaran dan desingan putaran yang memukul-mukul cuping telinga. Aku hanya memerhatikan dari dapur.

Setelah penat berputar, Razi mula menyusun apa yang dapat disusunnya. Kali ini, cakera padat disusun tinggi hingga hampir tidak dapat melawan daya graviti lalu menyenget seperti *Leaning Tower of Pisa*. Sepanjang masa bibinya bergerak-gerak mengeluarkan bunyi-bunyi yang sudah tidak ganjil lagi di telingaku. Hairannya, apa yang disusunnya tidak pernah roboh **menjunam**. Razi pandai menyusun. Yang menjatuhkan biasanya aku atau Leman, anakku yang bongso, secara tidak sengaja. Dan jika ini berlaku, Razi akan mengamuk, menghempas-hempas dirinya atau memukul-mukul tangannya ke dinding hingga luka. Kerana itu, aku dan Leman tidak mahu lagi mendekati segala susunan Razi, walaupun barangan yang disusunnya itu perlu aku dapatkan untuk sesuatu sebab. Pernah satu ketika, secara sembunyi-sembunyi aku cuba mengambil sekeping buku dari barisan buku-buku yang telah disusunnya secara **mendatar** seperti gerabak keretapi. Namun, Razi maha tajam mata dan hatinya. Sepanjang malamnya beliau mengamuk dengan menghentak-hentak kepalanya di jeriji besi pintu.

Ayuh, bincangkan!

1. Apakah perasaan kamu jika sesuatu yang sedang diusahakan rosak atau dirosakkan seseorang? Bagaimanakah kamu meluahkan perasaan ini?
2. Pernahkah kamu melihat seseorang sangat marah? Mengapakah beliau berperasaan sedemikian? Adakah kamu berkeinginan untuk mententeramkannya atau membiarkannya sahaja?
3. Razi mempunyai kebolehan baik menyusun barang-barang. Sila kongsi satu kelebihan yang kamu miliki.

One Story: Razi Activity Package

Memperkayakan kosa kata.

(makna perkataan ini dipetik daripada Kamus Dewan)

1. Ligat - Sangat cepat gerakannya (berkenaan gasing, kipas dan lain-lain).
2. Menjunam – bergerak dengan kepala dahulu mengarah ke bawah
3. Mendatar – (seakan-akan) rata; selari dengan permukaan bumi.

Kita tulis!

Tuliskan satu pesanan ringkas untuk meminta maaf kepada seorang teman kamu yang kecewa dengan kamu yang tanpa sengaja telah merosakkan pena kesayangannya di sekolah tadi.

Lembaran Aktiviti Baca, Petik, Tulis  
(dipetik daripada “One Story: Razi” oleh Sa’eda Buang)

Petikan 2

Di bawah panah cahaya matahari yang terik, aku cuba menahan teks. Tangan Razi kugenggam erat-erat. Melihat aku menahan teks, Razi juga menggamit-gamit dengan lincah. Segala kereta, bas, lori dan motorsikal digamitnya. Jiran-jiran yang tinggal seblok melambai-lambai ke arah aku dua beranak.

“Tesi, tesi, tesi.....” mulutnya terus-menerus berbunyi. Hinggalah ke dalam teks. Pemandu teks **mengerling** beberapa kali ke belakang. Wajahnya masam **mencuka**.

“Apa dia mahu? Suruh dia duduk sebelah kiri, boleh tak?”

“Apa pasal?” Bosan aku dengan lirikannya yang kejam. Sudah beratus kali aku dan anakku diperlakukan begini. Yang lebih sopan akan melirik dengan cepat dan buat-buat tidak nampak. Tetapi yang ini bukan main kasar nampaknya.

“Dia joget-joget, goyang-goyang. Gua tak boleh *drive, mah!*”

Jiwaku memprotes. Ingin rasanya aku turun sekarang juga dan berjalan kaki. Tetapi aku tahu itu agak **mustahil**. Akhimya kemahuan si pemandu aku ikutkan juga. Asalkan sampai.

“Lu pegang dia, boleh tak?”

“Apa lagi awak mahu? Dia tak kacaulah!” Suaraku meninggi.

“*Sorry!* Jangan marah. Dulu gua angkat ini macam punya budak. Dia joget-joget, bising-bising. Lama-lama dia ketuk gua punya kepala. Nasib tatak *accident.*”

\*sila lihat muka surat sebelah untuk soalan perbincangan.

## One Story: Razi Activity Package

### Ayuh, bincangkan!

1. Pemandu teksi tidak senang dengan tindakan Razi sering bergerak-gerak terlalu banyak semasa beliau sedang memandu. Adakah reaksi dan tindakan beliau wajar?
2. Bagaimanakah cara yang terbaik untuk pemandu teksi itu menyatakan keprihatinannya tanpa menyinggung perasaan ibu Razi?
3. Pernahkah kamu berada dalam keadaan di mana kamu disalahfahami? Bagaimanakah perasaan kamu pada ketika itu? Adakah kamu cuba untuk menerangkan keadaan sebenar atau berusaha untuk membuat orang lain memahami keadaan yang sedang kami hadapi?

### Memperkayakan kosa kata.

(makna perkataan ini dipetik daripada Kamus Dewan)

1. Mengerling – memandang ke kanan atau ke kiri (dengan tidak menggerakkan kepala), menjeling.
2. Mencuka – menjadi masam seperti cuka (berkenaan wajah, muka) kerana marah, geram dan lain-lain.
3. Mustahil – tidak boleh jadi, tidak mungkin, tidak masuk akal.

### Kita tulis!

Bina ayat daripada perkataan-perkataan berikut berdasarkan makna yang diterangkan di atas.

1. mengerling:
2. mencuka:
3. mustahil:

One Story: Razi Activity Package

Lembaran Aktiviti Baca, Petik, Tulis  
(dipetik daripada “One Story: Razi” oleh Sa’eda Buang)

Petikan 3

Telefon berdering. Ya Allah, janganlah Kak Mi ah. Janganlah dia.

“Nani, ini Kak Ros. Kakak nak minta tolong sikitlah. Nani jangan marah kalau akak cakap sikit, ya? Tentang hari jadi anak akak minggu ni.” Jiranku rupanya.

“Kak Ros nak apa? Nani dah siapkan **samosa** macam yang kakak pesan. Tinggal nak goreng saja. Nanti besok Nani bawa.”

Senyap.

“Susah kakak nak cakap. **Sumpah** kakak tak nak kecikkan hati Nani. Tapi.... kalau boleh, jangan datang hujung minggu ni, ya? Kawan- kawan akak nak datang. Dia orang nak datang dengan anak-anak. Akak bimbang nanti, budak- budak tu nanti takutkan Razi. Yalah, kasihan nanti akak tengokkan engkau terkejar-kejar nak **kawal** Razi. Akak takut nanti Razi buka seluar lagi. Sumpah. Bukan akak nak kecikkan hati kau. Sumpah. Atau kau boleh datanglah, datang dengan Leman aja. Biar Razi tinggal dengan ayahnya.....”

Ayuh, bincangkan!

1. Jika kamu Nani, bagaimanakah perasaan kamu?
2. Pada pendapat kamu, adakah wajar bagi Kak Ros untuk meminta Nani dan Razi tidak menghadiri majlis hari jadi anaknya?
3. Bagaimanakah perasaan kamu jika diminta untuk tidak menghadiri majlis hari jadi teman kamu walaupun telah menerima undangannya sebelum ini?



One Story: Razi Activity Package

Memperkayakan kosa kata.

(makna perkataan ini dipetik daripada Kamus Dewan)

1. Samosa – sejenis kuih berbentuk segi tiga yang berintikan daging atau sayur-sayuran berempah.
2. Sumpah – pengakuan yang dibuat (dengan bersaksikan Tuhan atau sesuatu yang dianggap suci) untuk menguatkan apa yang dikata.
3. Kawal – mengawas atau mengawasi (supaya tidak melampaui batas).

Kita tulis!

Pernahkah kamu menikmati samosa? Kongsikan tiga jenis kuih lain yang kamu gemari. Mengapakah kamu menggemari kuih-muih ini?